



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN PASAR SITI AISHAH (JELAWAT) DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM BAGI TAHUN 2024

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 14 November 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak Pasar Siti Aishah (Jelawat), Bachok untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1hb. Januari 2024 hingga 31hb. Disember 2024. Pajakan ini tidak termasuk tandas awam di luar Pasar Siti Aishah(Jelawat). Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 75,000.00 setahun.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak **RM 1,000.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya, manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil **MAJLIS DAERAH BACHOK**.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah dimeterai hendaklah ditulis di atasnya **"TAWARAN PAJAKAN PASAR SITI AISHAH(JELAWAT) TAHUN 2024"** dan hendaklah di alamatkan kepada :

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK ,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari** pada **29 November 2023 (Rabu)** bersamaan **15 Jamadil Awal 1445H.**

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian dan menjelaskan bayaran, deposit pajakan sebanyak tiga (3) bulan kadar pajakan bulanan serta bayaran setem perjanjian dalam tempoh tujuh (7) hari selepas diberitahu. Jika penawar gagal berbuat demikian. Tawaran pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis lagi.
5. Penawar yang berjaya akan diberi surat kebenaran bagi membolehkan memungut bayaran hasil Kepala Bakul dari orang ramai yang telah menjalankan perniagaan di dalam pasar dan sekitarnya dengan tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan di Lampiran A.

6. Kos bayaran Air bagi kerja-kerja mencuci pasar dan sekitarnya dan kos bagi bekalan air akan ditanggung oleh pemajak dan kos bekalan elektrik juga adalah ditanggung oleh pemajak. Deposit bayaran bil elektrik dan air selama tiga (3) bulan juga akan dikenakan. Deposit ini akan dikembalikan selepas tamat tempoh pajakan dan tiada tunggakan bil elektrik dan air yang belum dijelaskan.
7. Pihak pemajak adalah dibenarkan untuk membuat kutipan berasingan bagi caj penggunaan elektrik oleh mesin dan peralatan elektrik di dalam pasar sebagaimana senarai kadar yang diluluskan oleh pihak majlis.
8. Bayaran pajakan akan dijelaskan sebelum **tujuh (7) haribulan** bagi tiap-tiap bulan dan jika gagal berbuat demikian pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis.
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok jika ia hendak membatalkan pajakan.
10. Pihak Majlis tidak terikat dengan mana –mana tawaran sama ada yang tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, Terima Kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,


(**MOHD EZAIZLE BIN MOHD EMBONG**)
Setiausaha,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
b.p : Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 14 November 2023

LAMPIRAN A

KADAR HASIL KEPALA BAKUL PASAR-PASAR MAJLIS DAERAH BACHOK BAGI TAHUN 2024

.....

Spesifikasi dan kadar kutipan kepala bakul yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut :

Bil.	Jenis Perniagaan	Kepala Bakul (RM)
1.	Kain baju dan pakaian	2.00
2.	Rempah bawang/runcit	2.00
3.	Gerai makanan dan minuman	2.00
4.	Kedai kopi dan roti	2.00
5.	Makanan yang telah dimasak	2.00
6.	Gerai kelapa mesin	3.00
7.	Sayur dan buah	2.00
8.	Ikan kering 1 bakul	2.00
9.	Ikan basah 1 tong	3.00
10.	Ayam/itik 1 raga	4.00
11.	Daging lembu / kerbau seekor	10.00
12.	Daging lembu / kerbau satu petak gerai	5.00
13.	Penjaja dengan kereta, lori, van dll	4.00
14.	Pisang 1 bakul	2.00
15.	Pisang 1 van	7.00
16.	Tembikai 1 van	12.00
17.	Lain-lain	Kadar yang berpatutan